

05 FEB 2002

MAS BUKA SEMULA LALUAN KL-NEWARK

Oleh: Salmy Hashim

NEW YORK, 5 Feb (Bernama) -- Penerbangan Malaysia (MAS) mungkin membuka semula laluan Kuala Lumpur-Newark pada bulan April atau Mei, demikian menurut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini pada hari Isnin.

Laluan KL-Newark telah dihentikan selepas insiden serangan pengganas 11 Sept tahun lepas ke atas Pusat Perdagangan Dunia New York dan Pentagon di Washington.

Perdana menteri berkata pada masa ini, MAS menghadapi kesukaran dan perlu disusun semula dan mengurangkan operasinya terutama laluan-laluan yang tidak memberikan keuntungan.

Kerajaan akan membeli pesawat dari MAS dan memajakkan semula kepada MAS bagi mengurangkan beban hutang syarikat penerbangan itu, kata beliau.

MAS kini menanggung hutang tertanggung berjumlah sehingga RM9.2 bilion.

Dengan pengurusan yang lebih baik dan berhemat, diharap MAS boleh kembali mencatatkan keuntungan, kata beliau ketika menjawab soalan selepas ucapan beliau di Asia Society.

-- BERNAMA

SH KTC AA